

MENGAPA MUDAH DIPERDAYA SKIM CEPAT KAYA?

Oleh: Nur Amirah binti Abidin, 1171111

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Dsiarkan pada 2 April 2020



Iklan skim cepat kaya dalam media sosial menyebabkan mangsa mudah terpengaruh.

“KALAU kau nak cepat kaya, cepatlah sertai pasukan aku. Aku jamin masa depan kau cerah, ini bukan skim cepat kaya yang kosong tau!”

Kata-kata seorang lelaki yang usianya sebaya mengganggu lamunan kecil saya yang ketika itu berada di sebuah perhentian bas.

Mungkin dia terdengar perbualan saya dan ibu mengenai masalah kewangan. Jika dilihat dari segi luaran, lelaki tersebut tampak seperti seorang usahawan yang berjaya.

Saya teragak-agak untuk bersetuju dengannya kerana bagi saya, skim cepat kaya yang menjanjikan kepada pelajar kekayaan dalam masa yang singkat adalah sesuatu yang mustahil. Akhirnya, saya juga yang menanggung kerugian.

Peristiwa itu berlaku pada tahun 2015. Saya hampir-hampir sahaja terjebak menyertai skim cepat kaya yang menyasarkan pelajar yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah.

Rata-rata mangsa skim cepat kaya adalah golongan muda yang berusia 25 tahun ke atas dan majoritinya kaum wanita iaitu kira-kira 63.8%. Maklumat ini dinyatakan dalam portal Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australian (ACCC).

Apa yang jelas, skim cepat kaya yang mengaut keuntungan tanpa mengira soal halal dan haram ini sering menawarkan janji manis kepada mangsa. Malah, ada yang sanggup mempergunakan agama demi kepentingan peribadi.

Mereka sering menggunakan ayat sebegini untuk mengaburi mata mangsa: *“Anda hanya perlu mengepos kepada orang yang kemudiannya akan membuat deposit ke dalam akaun anda.”*

Mungkin juga kita sering membaca ayat ini: *“Anda bayar pada harga sekian-kian dan anda akan menerima barang tersebut kemudian serahkan kepada pelanggan anda.”*

Sedangkan hakikatnya barang yang dinyatakan itu tidak wujud dan ia sekadar tipu helah dalam skim cepat kaya untuk mempengaruhi kita agar terus dipercayai mereka.

Di Malaysia, kegiatan skim cepat kaya merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (BAFIA) 1989. Selain tindakan undang-undang, Bank Negara Malaysia (BNM) turut menyiarkan dalam portalnya senarai syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran untuk menjalankan kegiatan mengutip deposit daripada orang ramai.

Walaupun pihak berkuasa khususnya BNM telah menyediakan maklumat tersebut dan ruang untuk orang ramai menyalurkan aduan, masih ramai yang terpedaya dengan janji palsu dalang-dalang skim cepat kaya.

Agak menghairankan apabila melihat kegiatan skim cepat kaya yang menyebabkan ramai mangsa kerugian besar serta mengalami tekanan emosi selepas ditipu masih berleluasa. Di manakah silapnya?

Mungkin juga sikap materialistik menyebabkan mangsa terlalu taksub dengan impian mahu kaya segera sehingga menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan janji-janji yang tidak masuk akal.

Sebaik-baiknya gunakan pertimbangan kita untuk menilai tawaran yang diberikan oleh skim cepat kaya. Jika mereka menjanjikan keuntungan besar dalam masa yang singkat, kemungkinan besar 'skim pelaburan' yang mereka tawarkan itu sebenarnya palsu.



Masalah kewangan menjadi punca utama mangsa mudah terjebak dengan skim cepat kaya.

